



Untuk mengetahui lebih banyak berita dan informasi, sila layari relevan.com.my

9 pekerjaan dengan gaji tertinggi

Oleh ZUBAIDAH IBRAHIM

TIDAK dinafikan, gaji adalah aspek utama yang dipertimbangkan ketika menerima tawaran pekerjaan. Sudah menjadi menjadi impian semua orang untuk mendapat gaji yang lumayan demi masa hadapan lebih baik.

Sehubungan itu, merujuk kepada *Knowledgehut*, Relevan kongsi sembilan pekerjaan dengan bayaran gaji tertinggi di dunia pada 2023.

1 Ketua Pegawai Eksekutif

Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) bertanggungjawab menentukan dan mengendalikan hal ehwal korporat syarikat, membuat keputusan korporat yang penting, mengurus sumber dan menyelia semua operasi pengurusan seperti menyelaras, merancang dan mengarahkan aktiviti di peringkat tertinggi.

Atas sebab itu mereka dibayar gaji yang tinggi. Skala gaji tahunan boleh meningkat kepada AS\$310,000 (RM1,455,140) atau lebih lagi jika bekerja di syarikat terkemuka.

2 Pakar perubatan

Bidang perubatan sentiasa mendapat permintaan tinggi dan antara yang menerima gaji paling lumayan adalah seperti berikut:

- Pakar Kardiologi: Pakar jantung dan saluran darah ini menerima gaji pokok bermula AS\$233,584 (RM1,096,443) setahun.

- Pakar bius: Pakar bius memperoleh kira-kira AS\$328,526 (RM1,542,101) setahun.

- Pakar Ortodontik: Gaji berkisar antara AS\$259,163 (RM1,216,511) hingga AS\$301,549 (RM1,415,471) setahun.

- Pakar Neurologi: Mereka mempunyai kepakaran

berkaitan sistem saraf dengan julat gaji AS\$237,309 (1,113,928) hingga AS\$635,601 (RM2,983,511) setahun.

3 Peguam korporat

Peguam korporat ialah penasihat perniagaan undang-undang untuk perniagaan dan institusi. Tugas utama mereka adalah menasihati pelanggan tentang hak dan tanggungjawab undang-undang.

Julat gaji peguam korporat adalah sekitar AS\$94,180 (RM442,080) sehingga AS\$240,000 (RM1,126,560) setahun.

4 Saintis data

Mereka menggabungkan kemahiran sains komputer, pemodelan, statistik, analitik dan kemahiran matematik untuk mendedahkan jawapan kepada beberapa soalan utama yang boleh membantu organisasi membuat keputusan.

Gaji tahunan seorang saintis data boleh mencecah sehingga AS\$150,000 (RM704,100) setahun.

5 Jurutera perisian kanan

Dengan bantuan alat teknologi seperti kod dan platform, jurutera perisian bertanggungjawab untuk membuat pilihan reka bentuk. Mereka mencipta prototaip yang memenuhi keperluan pelanggan.

Gaji tertinggi jurutera perisian kanan sekitar AS\$100,000 (RM469,400) hingga AS\$114,000 (RM535,116) setahun. Ia bergantung kepada syarikat, pengalaman dan kemahiran.

6 Pembangun web

Pembangunan web adalah bidang yang menguntungkan pada zaman moden yang dikuasai oleh teknologi.

Tugas utama adalah untuk mereka bentuk, membina dan mengubah suai laman

web. Portfolio yang baik dan rujukan yang kukuh boleh mempengaruhi gaji sehingga mencecah AS\$146,430 (RM687,342) setahun.

7 Pengurus jurutera

Penyeliaan dan pengurusan adalah peranan utama mereka. Pengurus jurutera juga bertanggungjawab ke atas pelbagai projek, pasukan dan berbagai pelanggan.

Multi-tasking adalah salah satu kemahiran insaniah penting yang diperlukan. Gaji asas untuk pengurus jurutera ialah AS\$149,000 (RM699,406) setahun.

8 Pengurus sistem IT

Perkembangan sektor teknologi maklumat (IT) dan dunia teknologi adalah sebab di sebalik keperluan yang lebih besar untuk pengurus sistem IT.

Pengurus sistem IT memainkan peranan penting dalam membina halangan untuk melindungi sistem daripada penggodam dan perisian lain yang tidak diingini.

Gaji purata untuk pengurus sistem IT adalah antara AS\$87,761 (RM411,950) hingga AS\$127,000 (RM596,138) setahun.

9 Pengurus projek

Pengurus projek bertanggungjawab memimpin pasukan untuk menyiapkan projek dalam garis masa dan belanjawan yang ditetapkan. Peranan itu menuntut kemahiran kepimpinan yang cemerlang, pertimbangan yang wajar dan pemahaman menyeluruh tentang industri.

Gaji pengurus projek berbeza-beza bergantung kepada saiz dan jenis organisasi, tetapi gaji purata berkisar antara AS\$83,390 (RM391,432) hingga AS\$140,000 (RM657,160) setahun.



nteraan pekerja
r gaji

JIKA dibanding dengan negara maju, nilai kudrat pekerja Malaysia masih rendah.
- GAMBAR HIASAN

dalam negara dimiliki pemilik modal atau perniagaan.

Pekerja asing

Menurut Menteri Sumber Manusia, jumlah pekerja asing di Malaysia adalah seramai 1,459,196 orang setakat Disember 2022. Itu merupakan jumlah rasmi. Jumlah tidak rasmi yang termasuk pekerja asing tidak berdaftar tidak dapat dipastikan.

Kebanyakan pekerja asing, terutamanya dalam sektor pekerjaan kurang mahir diterima dalam pasaran pekerjaan negara kerana kos gaji yang rendah. Lambakan pekerja asing ini berpotensi menarik penawaran kadar gaji negara ke tahap yang rendah.

Dalam ekonomi, ada istilah yang disebut sebagai bala tentera buruh simpanan (*reserve army of labour*) yang merujuk kepada populasi penganggur yang bersedia untuk bekerja dan menerima gaji rendah.

Disebabkan kesediaan golongan penganggur ini, majikan mempunyai pilihan untuk melepaskan pekerja yang menuntut gaji tinggi dan mengambil pekerja lain yang sanggup menerima gaji rendah. Ini menyebabkan kadar gaji kekal rendah.

Lambakan pekerja asing yang sanggup menerima gaji rendah

menyukarkan usaha untuk meningkatkan kadar gaji dalam negara, walaupun perintah gaji minimum sudah diperkenalkan.

Kesatuan sekerja

Satu lagi indikator penting untuk melihat tahap pemertabatan hak pekerja di sesebuah negara ialah keaktifan kesatuan sekerja.

Beberapa negara seperti Finland dan Denmark tidak memerlukan undang-undang gaji minimum kerana mempunyai kesatuan sekerja yang kuat. Rundingan gaji diserahkan kepada kesatuan melalui perjanjian kolektif (CA).

Di Finland, hampir 75 peratus pekerja berada di bawah naungan kesatuan sekerja. Denmark pula kira-kira 70 peratus. Bagaimana dengan Malaysia?

Terdapat 767 kesatuan sekerja di Malaysia setakat 2022, mewakili 5.8 peratus daripada jumlah tenaga kerja. Daripada jumlah itu, kurang dua peratus pekerja dilindungi CA.

Jumlah ini berkurang dari masa ke masa. Pada 1982, 11.3 peratus pekerja di Malaysia berada di bawah naungan kesatuan sekerja.

Kadar kesatuan yang rendah menyebabkan pekerja mempunyai kuasa rundingan yang rendah, terutamanya dalam soal gaji.

